



Datuk Undang Johol: "Gemenceh secara adat ditadbirkan Johol."

Berundang Ke Johol Bermukim Ke Tampin

Dari segi adat, Mukim Gemenceh terletak di bawah naungan Datuk Luak Undang Johol. Dari segi pentadbiran harian, ia merupakan salah sebuah daripada beberapa mukim dalam Daerah Tampin. Johol pula, adalah sebuah mukim yang terletak di dalam Daerah Kuala Pilah. Demikianlah, Mukim Gemenceh berada di dalam suatu keadaan yang unik apabila dihubungkan pentadbiran secara adatnya dengan dan pentadbiran secara politik. Keunikan inilah yang menarik perhatian. Wakil Dewan Budaya, A. GHAFAR ABDULLAH, ditugaskan menemui Undang Luak Johol, Datuk Haji Abdul Majid bin Abdul Wahid, untuk meminta penjelasannya tentang perjalanan adat dan hubungannya dengan pentadbiran harian kerajaan. Dalam pertemuan itu, Datuk Undang didampingi oleh Datuk Baginda Raja Haji Khalid bin Datuk Haji Abdul Majid, Datuk Andika Yusuf Aman dan Encik Ariffin Haji Yatim. Hasil pertemuan:


Dalam pemerintahan adat di dalam Luak Undang Johol, ada orang besarnya, iaitu Lembaga. Duduknya di tiap-tiap suku. Misalnya, dalam suku Jempul ada satu Lembaga, ada satu Buapak dan ada satu Orang Tua Warisnya. Dalam tiap suku, ada tiga golongan yang memerintah — Lembaga, Buapak dan Tua Waris. Demikian juga halnya dengan suku-suku yang lain. Ertinya di bawah saya, ada tujuh orang Lembaga dan sejumlah Buapak dan Orang Tua Waris.

Adat ini di atas Pusaka Satu. Apa-apa peraturan yang diadakan oleh mesyuarat Datuk-datuk Undang, maka peraturan itulah yang dikembangkan. Misalnya, masalah nikah kahwin. Kita mesti putuskan, semua Datuk Lembaga memerintahkan anak buahnya masing-masing melaksanakan keputusan. Dalam masalah pergaduhan kalau Buapak tak boleh selesai, serahkan pada Lembaga; kalau lembaga tak boleh putuskan, barulah diserahkan pada Undang.

Dari segi politik, Johol diletakkan dalam daerah Kuala Pilah. Dari segi adat Johol, berkuasa sendiri. Dan Gemenceh memang satu daripada kawasan yang ditadbirkan secara adat oleh Johol. Kerjasama antara pentadbiran politik dengan pentadbiran adat memang ada, sentiasa rapat. Saya nampak tak ada masalah dalam hal ini. Dari segi pentadbiran politik, Gemenceh itu di bawah takluk Tampin, seperti halnya sebahagian dari kawasan Rembau, iaitu di bawah satu kawasan Parlimen. Misalnya di Johol kawasan Jelebu. Saya nampak, keseluruhannya di

WILAYAH (Luak) Johol ini termasuk Gemenceh, Air Kuning, sebahagian Batang Melaka dan Kepis. Bakal Undangnya bergelar Datuk Baginda Tan Mas. Apabila Datuk Undang meninggal, bakal penggantinya dipilih dengan 'kebulatan' Lembaga. Perbincangan nak cari lain tidak diadakan, melainkan perbincangan cara melantiknya. Cara perlantikan, saya rasa, tak ada masalah.

Negeri Sembilan negerinya, Tampin daerahnya dan Gemenceh mukimnya: Dalam politik ia bermukim ke Tampin, dalam adat ia bernaung ke Johol. Manakala Johol bermukim ke Kuala Pilah.



Jelevu, Johol, Gemenceh atau Rembau adat tidak mempunyai masalah dengan sempadan politik. Adat bekerjasama dengan politik. Alam adat alam beraja, berundang, berlembaga, berbuapak dan beranak buah. Alam politik alam bermenteri besar, berwakil rakyat dan berahli Exco.

Masalahnya kadang-kadang, ialah ada juga anak buah yang kurang faham tentang adat, dan tentang peranan. Misalnya dalam nikah cerai. Kita, dapatkan kerjasama di antara ketua adat dengan kerajaan untuk mengatasi masalah perbelanjaan nafkah anak-anak dalam perceraian. Sebenarnya salah satu tugas Datuk Lembaga ialah mengadakan mesyuarat bulanan. Keputusan mesyuarat kita rujuk kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung. Jawatankuasa Kemajuan Kampung merujuk kepada jabatan kerajaan.

Di dalam pentadbiran adat, seperti yang telah saya katakan tadi, berundang, berlembaga, berbuapak, bertua anak buah. Di bawah Undang ada tujuh Datuk Lembaga. Setiap Datuk Lembaga, berbuapak dan bertua anak buah. Kemudian, bertua anak buah meninjau ramai bilangan anak buah. Kesemua tujuh orang lembaga mempunyai tugas, bak kata adat; 'istana yang tinggi balai yang panjang'. Dari tujuh orang Datuk Lembaga itu, empat dinamakan Datuk

Lembaga Tiang Balai, dan tiga Orang-Orang Besar Balai. Di bawah Datuk Lembaga ada pawang dan ada tujuh juak.

Gemenceh diletakkan di bawah Datuk Penghulu Adat dan di bawah Datuk Penghulu Adat ada sepuluh orang Datuk Lembaga. Bagaimana perjalanan adat di Johol, begitu juga perjalanan adat di Gemenceh. Tetapi ia bernaung di bawah Undang Johol. Pemerintahan adat tradisi Melayu dan sistem pemerintahan kerajaan saling bergandingan. Gemenceh ditadbirkan oleh wakil rakyat, dan hal adat istiadat, dipulangkan kepada Datuk Lembaga.

Untuk mengekalkan sistem adat yang diamalkan hari ini, saya rasa segala peraturan dan adat istiadat, disusun dan dibukukan ataupun diwartakan untuk dicatatkan oleh kerajaan supaya tidak lagi bercanggah. Di masa-masa lampau, peraturan itu tersirat saja tidak tersurat. Jadi, hari ini kita telah memberitahu pihak-pihak yang berkenaan, seperti Setiausaha Dewan Keadilan, Pegawai Undang-Undang Negeri. Peraturan adat ini bolehlah menjadi panduan kepada orang yang duduk dalam lingkungan adat untuk memahami lebih luas dan lebih licin lagi tentang pentadbiran adat. Usaha ini sedang dibuat. Saya harap perjalanan adat di masa-masa akan datang lebih tersusun lagi. □